



## MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

# Memahami Undang-undang Kecil 34A Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986



### Apakah Undang-undang Kecil 34A, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam?

Di bawah Undang-undang Kecil 34A, semua bangunan awam yang baru dibina mestilah disediakan dengan akses untuk membolehkan golongan kurang upaya memasuki, keluar dan berada dalam bangunan serta menyediakan kemudahan-kemudahan untuk diguna oleh golongan kurang upaya. Ciri-ciri akses ini mestilah mematuhi Piawaian Malaysia MS 1183 dan MS 1184. Undang-undang Kecil 34A juga meliputi bangunan sedia ada yang disiapkan sebelum tahun 1993. Bangunan-bangunan lama dikehendaki supaya diubahsuai untuk mematuhi Undang-undang Kecil ini selewat-lewatnya pada tahun 1996 melainkan Pihak Berkuasa Tempatan membenarkan pemiliknya tidak mengikut atau dikecualikan kehendak-kehendak ini.

*Pelandas ini tidak mematuhi spesifikasi Piawaian Malaysia.*

#### Prinsip Paduan Asas

Untuk membolehkan golongan kurang upaya:

Sampai kesemua tempat di dalam kawasan bangunan di mana mungkin.

Memasuki semua tempat di dalam kawasan bangunan.

Mengguna semua kemudahan dalam kawasan bangunan.

#### Pertimbangan Rekabentuk

##### Masuklaluan

Kawasan bangunan mestilah direkabentuk supaya hanya mudah dimasuki oleh semua orang termasuk golongan kurang upaya dan orang tua.

##### Masuklaluan atau mudah dimasuki / diperolehi

Ini bermakna golongan kurang upaya boleh, tanpa bantuan, menghampiri, memasuki, berulang alik dan menggunakan sesuatu kawasan serta kemudahannya tanpa menghadapi sebarang kesulitan. Perhatian yang saling diberikan kepada kehendak asas ini semasa perancangan dan rekabentuk kawasan bangunan akan membantu menentukan kemungkinan maksimum mewujudkan persekitaran yang boleh dimasuki / diperolehi.

##### Kebolehan

*Pelandas yang direkabentuk dengan betul*

##### kesempaan

peruntukan-peruntukan hendaklah digunapakai dan diperkenalkan dalam kawasan bangunan supaya seberapa banyak tempat dan bangunan boleh dimasuki/sampai oleh semua orang termasuk golongan kurang upaya dan orang tua.



### Keselamatan

Kawasan bangunan hendaklah direkabentuk supaya semua orang, termasuk golongan kurang upaya dan orang tua boleh bergerak tanpa membahayakan nyawa dan kesihatan.

### Keupayaan bekerja

Kawasan bangunan di mana orang bekerja hendaklah direkabentuk untuk membolehkan semua orang termasuk golongan kurang upaya mengambil bahagian dan menyumbang kepada tenaga kerja.

### Tanpa halangan atau rintangan

Ini bermakna tiada halangan, rintangan bagi membolehkan golongan kurang upaya berulang-alik dengan bebas dan menggunakan kemudahan di dalam kawasan bangunan.

### Skop Undang-undang Kecil 34A

*Butanglif mestilah mudah dicapai*

Kehendak-kehendak Undang-undang Kecil ini adalah terpakai kepada bangunan-bangunan berikut:

- (a) pejabat, bank, pejabat pos, kedai, stor berbagai-bagai bahagian, pasaraya serta bangunan pentadbiran dan perdagangan, kecuali rumah kedai yang wujud pada masa Undang-undang Kecil ini mula berkuatkuasa;
- (b) bangunan untuk perjalanan melalui kereta api, jalan, laut dan udara serta konkos yang berkaitan, tempat letak kereta, bangunan dan kilang;
- (c) hospital, pusat perubatan, klinik serta bangunan-bangunan kesihatan dan kebajikan yang lain;
- (d) restoran, dewan konsert, panggung, pawagam, bangunan persidangan, bangunan masyarakat, kolam renang, bangunan sukan serta bangunan-bangunan makanan dan minuman, hiburan dan rekreasi yang lain;
- (e) bangunan keagamaan
- (f) sekolah, maktab, universiti, zoo, muzium, balai senilukis, perpustakaan, bangunan pameran serta bangunan-bangunan pendidikan, kebudayaan dan sains yang lain; dan



MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

KOMTAR, JALAN PENANG

10875 PULAU PINANG

TEL: 04 2592020

FAX: 04 2626260

[www.mppp.gov.my](http://www.mppp.gov.my)